

ISU IBU TUNGGAL

Badan-badan akur perlu ada kerjasama



PROGRAM AS-SALAAM PPIS: Salah satu kegiatan yang dianjurkan di bawah program itu ialah membantu keluarga ibu atau bapa tunggal dan kanak-kanak. Ia termasuk kaunseling, program sokongan dan ceramah. – Foto-foto fail

22 Mar 2015

Berita Harian

BADAN-BADAN Melayu/Islam yang memberi bantuan kepada ibu tunggal menyambut baik usul agar diadakan kerjasama dan penyelarasan dalam membantu golongan itu.

Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) mengulas secara umum bahawa saling memanfaatkan kekuatan badan-badan dan menyediakan khidmat lebih baik kepada mereka yang memerlukan adalah baik untuk masyarakat.

Pegawai eksekutifnya dari Perhubungan Korporat dan Pembangunan Sumber PPIS, Cik Nuraini A. Wahab, berkata bahawa pada tahun lalu Program As-Salaam badan itu telah membantu 1,047 peserta daripada keluarga ibu atau bapa tunggal, termasuk kanak-kanak.

Bantuan itu termasuk penelitian kes dan kaunseling, program sokongan dan ceramah.

Pengurus Kanan Angkatan Karyawan Islam (AMP), Cik Hameet Khane, juga menyokong usul agar badan-badan berlainan bersatu dan menyelaraskan bantuan untuk ibu tunggal dan golongan memerlukan yang lain.

"AMP berpegang kepada pendekatan bahawa mereka yang memerlukan diberi bantuan oleh pelbagai pihak. Ini berdasarkan keperluan klien kami yang berlainan dan ada kala unik, jikapun tidak kompleks. Justeru tiada satu agensi yang mungkin dapat memenuhi secukupnya keperluan keluarga-keluarga ini.

"Namun, kerjasama antara badan-badan akan membantu memastikan keperluan golongan sedemikian dipenuhi secara holistik tanpa duplikasi sumber," kata Cik Hameet.

Ketika ini kira-kira 30 peratus daripada keluarga di bawah Skim Keluarga dan Belia Angkat (AFYS) AMP merupakan keluarga ibu tunggal.

Di bawah skim itu keluarga terlibat diberikan bantuan pengurusan kewangan, pekerjaan dan kemahiran serta peningkatan kemahiran untuk mencapai pemeraksanaan ekonomi, pembangunan sosio-pendidikan untuk anak dan sokongan lain yang berkaitan bagi keluarga.

Cik Lily Sulastri Mohamed Yahya, Ketua, Program dan Khidmat Sosial Mendaki Sense, pula berkata:

"Banyaknya 'poket-poket' bantuan yang diberikan oleh badan-badan berlainan mungkin kurang baik jika badan-badan itu memberikan bantuan nilai tambah berlainan kepada ibu-ibu tunggal dalam situasi berlainan.

"Bagaimanapun, langkah berganding bahu mungkin sesuatu yang baik dan berguna seperti yang disarankan Cik Hamidah Bahashwan - sebagai kayu ukur usaha masing-masing."

Bantuan yang diberikan Mendaki Sense untuk ibu tunggal, katanya, adalah menyediakan latihan dan bantuan mendapatkan pekerjaan.

"Kami berpendapat bahawa dengan membantu ibu tunggal memperoleh kemahiran dan ilmu dan menyediakan platform dan jalinan bagi mereka berhubung dengan majikan, kami memperkasa mereka menjadi relevan dan produktif dalam ekonomi moden."

"AMP berpegang kepada pendekatan bahawa mereka yang memerlukan diberi bantuan oleh pelbagai pihak. Namun, kerjasama antara badan-badan akan membantu memastikan keperluan golongan sedemikian dipenuhi secara holistik tanpa duplikasi sumber."

- Cik Hameet Khanee, Pengurus Kanan AMP.